ISSN 2180-3684 • Bil 04/15
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

APRIL 2015



Memenuhi Keperluan Orang Kurang Upaya

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Santhosh Kannan

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Pendaftaran Orang Kurang Upaya

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, "Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat".

Agensi yang terlibat dalam pendaftaran OKU adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran OKU adalah atas dasar sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.

Bagi maksud pendaftaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengklasifikasikan OKU kepada tujuh kategori utama ketidakupayaan seperti berikut:

Kategori

1. Pendengaran



Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat 4 tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU pendengaran, iaitu

- Minima *(mild)*: 15 - <30 dB (kanak-kanak) / 20 - <30 dB (orang dewasa)
- Sederhana *(moderate)*: 30 - <60dB
- Teruk *(severe)*: 60 – 90dB
- Sangat teruk *(profound)*: >90dB



2. Penglihatan

Buta kedua-dua belah mata atau buta di sebelah mata atau penglihatan terhad di kedua-dua belah mata atau lain-lain gangguan penglihatan kekal. Kurang upaya penglihatan boleh dibahagi kepada:

- Terhad bermaksud penglihatan lebih teruk daripada 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 20 darjah daripada *fixation.*
- Buta bermaksud penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang daripada 10 darjah daripada *fixation.*

3. Fizikal

Bermaksud ketidakupayaan kekal anggota badan sama ada disebabkan oleh kehilangan atau ketiadaan atau ketidakupayaan mana-mana anggota badan yang boleh menjejaskan fungsi mereka dalam melakukan aktiviti asas sepenuhnya. Aktiviti asas yang dimaksudkan ialah seperti penjagaan diri, pergerakan dan penukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau penyakit pada mana-mana sistem saraf kardiovaskular, respiratori, hematologi, imunologi, urologi dan lain-lain yang menyebabkan ketidakfungsian. Contoh penyebab ketidakupayaan adalah:



- *Limb defects (congenital / acquired)*, termasuk kehilangan ibu jari tangan
- *Spinal cord injury*
- *Stroke*
- *Traumatic brain injury*
- Kerdil
- *Cerebral palsy*

Individu yang mengalami keadaan kekurangan (*impairment*) tanpa menjejaskan fungsi, contohnya kehilangan jari, mempunyai lebih jari dan tidak ada atau tidak sempurna cuping telinga tidak dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran.

4. Masalah Pembelajaran

Bermaksud masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini ialah Lewat Perkembangan Global *(global development delay)*, Sindrom Down *(down syndrome)*, kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan autisme *(autistic spectrum disorder)*, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (AHDH) dan masalah pembelajaran spesifik seperti *dyslexia, dyscalculia, dygraphia.*

5. Pertuturan

Bermaksud tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh.

6. Mental

Seseorang yang menghadapi penyakit mental yang teruk yang telah menjalani rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya 2 tahun oleh pakar psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat walaupun setelah menjalani rawatan psikiatri. Antara jenis-jenis penyakit mental tersebut adalah *Skizofrenia, Mood Disorder* dan *Organic Mental Disorder* yang serius dan kronik.

7. Pelbagai

Individu yang mengalami lebih daripada satu jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan di bawah mana-mana 6 kategori lain yang sedia ada. Contohnya, seorang individu yang mengalami 2 jenis ketidakupayaan dari segi penglihatan dan pendengaran akan didaftarkan dalam kategori kurang upaya pelbagai.

Mengapakah OKU digalakkan mendaftar?

Sebab utama adalah seperti berikut:

- Untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan.
- Untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU.

- Untuk membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsian / ketidakupayaan mereka.

Apakah cara-cara untuk membuat permohonan pendaftaran?

- Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian.
- Menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat www.jkm.gov.my.
- Menyertakan 3 keping gambar ukuran kad pengenalan (dewasa), 4 keping gambar ukuran kad pengenalan (kanak-kanak) dan dokumen sokongan seperti salinan MyKad, MyKid atau Sijil Kelahiran.

Apakah syarat-syarat pendaftaran?

- Warganegara yang bermastautin di Malaysia.
- Telah disahkan / diperakui oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan / Pakar Psikiatri atau Pakar Perubatan Swasta.

Apakah Kad OKU?

- Kad OKU adalah suatu tanda pengenalan diri yang dikeluarkan kepada orang kurang upaya yang telah berdaftar bagi memudahkan mereka berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam keadaan manakah saya boleh menukar Kad OKU?

Penukaran Kad OKU boleh dilakukan di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian disebabkan:

- Kad OKU hilang,
- Kad OKU rosak,
- Mencapai umur 18 tahun,
- Perubahan kategori ketidakupayaan.

Direktori Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

(a) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis**
Tingkat Bawah, Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri Perlis
01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan
Tel: 04-9761957 Faks: 04-9791401

(b) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah**
Aras Bawah Blok C, Kompleks Persekutuan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Anak Bukit, 06550 Anak Bukit, Kedah Darul Aman
Tel: 04-7001700 Faks: 04-7313407

(c) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang**
Lapisan 30, KOMTAR, 10564 Pulau Pinang
Tel: 04-2621957 Faks: 04-2635964

(d) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak**
Lot 1516, Jln Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-2545505 Faks: 05-2544326

(e) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor**
Tingkat 2, Bangunan Sultan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-55445417 Faks: 03-55190232

(f) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
Tingkat 9, Grand Seasons Avenue, No. 72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-26124000 Faks: 03-40428185

(g) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan**
Tingkat 1B, Wisma Negeri, Jln Dato' Abd. Malek
70000 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7659555 Faks: 06-7629541

(h) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka**
No. 36-2 Tingkat 2, Jalan KC1, Bangunan Kota Cemerlang
75450 Lebuh Ayer Keroh, Melaka Bandar Bersejarah
Tel: 06-2324716 / 17 Faks: 06-2319221

(i) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor**
Tingkat 4, Blok A, Wisma Persekutuan, Jln Air Molek
80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel: 07-2282971 Faks: 07-2240335

(j) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang**
Lot 27 & 28, Bahagian Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Pahang (MAKSAK), Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek, 25050 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5159455 Faks: 09-5165185

(k) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu**
Tingkat 1, Wisma Negeri, Jalan Pejabat
20564 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
Tel: 09-6222444 Faks: 09-6239864

(l) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan**
Blok 7, Kompleks Kota Darul Naim
15564 Kota Bahru, Kelantan Darul Naim
Tel: 09-7482117 Faks: 09-7481264

(m) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak**
Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi
Wisma Kebajikan, Lot 4273, Blok 14, Off Jalan Siol Kanan
93050 Kuching, Sarawak
Tel: 082-449577 Faks: 082-448741 / 082-448946

(n) **Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah**
Tingkat 6 & 8, Blok B, Wisma MUIS, Bag Berkunci 29026
88899 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-255133 / 134 Faks: 088-224983

(o) **Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan**
Jalan Tun Mustapha, Peti Surat 81212
87022 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel: 087-424961 Faks: 087-418185

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat



Konsep Perancangan Aksesibiliti OKU Di Bangunan Awam Dan Kemudahan Awam

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia *(World Health Organisation)*, Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan 15 peratus daripada jumlah penduduk di dunia ini.

Selain itu, dianggarkan 40 juta orang penduduk di dunia ini adalah buta atau mengalami separuh penglihatan (Nielsen 2009). Malaysia mempunyai penduduk lebih 30 juta orang. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah OKU di Malaysia yang berdaftar dengan JKM adalah 338,000 (1% daripada penduduk Malaysia). Walaupun angka ini tidak menggambarkan jumlah sebenar golongan OKU, tetapi segala keperluan untuk kebajikan mereka haruslah diberikan perhatian.

Berdasarkan jumlah tersebut, terdapat keperluan yang nyata terhadap penyediaan kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya. Tanpa kemudahan sokongan yang diperlukan, pergerakan mereka lebih terbatas dan akan mengehadkan aktiviti mereka.

Orang kurang upaya mendapati beberapa kesukaran semasa menggunakan kemudahan di tempat yang dikunjungi disebabkan beberapa faktor. Masalah utama yang mereka hadapi ialah kemudahan tersebut tidak selamat, tidak mudah untuk sampai ke satu-satu destinasi dan kedudukan sesuatu kemudahan itu berada jauh untuk dikunjungi.

Oleh itu, pihak bertanggungjawab perlu menitikberatkan kemudahan aksesibiliti di bangunan awam dan kemudahan awam untuk golongan OKU sepertimana yang telah digariskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengikut undang-undang dan piawaian sedia ada.

Konsep Perancangan Luaran

Aksesibiliti



'*Ramp*'

- Semua '*ramp*' mesti dihubungkan dengan laluan golongan Orang Kurang Upaya dan berterusan tanpa halangan.
- Kecerunan maksimum 1:15 dengan kelebaran minimum 1800 mm.
- Permukaan '*ramp*' rata dan tidak licin.

'*Handrail*' dan '*grab bar*'

- '*Handrail*" (ukur lilit 40 mm – 50 mm disediakan bersama '*ramp*')
- Ketinggian *handrail* adalah 2.4 kaki (700 mm) dan 3 kaki (900 mm).
- Tanda '*braille*' perlu disediakan di permulaan dan hujung '*handrail*'.

Laluan khas / pejalan kaki dan kaki lima

- Laluan pejalan kaki secara terus dan tanpa halangan perlu disediakan.
- Saiz lebar minimum adalah 1500 mm.
- Permukaan laluan pejalan kaki tidak licin.
- Tekstur permukaan di pintu masuk dan keluar berbeza dengan tekstur laluan biasa.
- Ketinggian laluan pejalan kaki yang tidak disediakan '*kerb*' ialah maksimum 10 mm.



Anjung masuk ke bangunan

- '*Ramp*' dan '*handrail*' perlu disediakan paling hampir dengan anjung masuk sesebuah bangunan.
- Pintu masuk ke bangunan (lebar minimum 1,800 mm)
- Pintu kaca mempunyai tanda jelas di paras 800 mm – 1,500 mm.

Permukaan laluan bertekstur

- Menggunakan '*dot-type block*' untuk memberi amaran.
- '*Line type block*' asas kepada menunjuk arah laluan.

Reruang

Tempat letak kereta khas (TLK)

- Mesti disediakan dan dihubungkan dengan laluan



golongan Orang Kurang Upaya dan berserta '*step ramp*' selebar 1,000 mm.

- Jumlah ruang Tempat Letak Kereta khas ialah 1:100 kenderaan biasa.
- Tempat Letak Kereta khas disediakan dengan keluasan ruang 3,300 lebar x 6,600 mm panjang.

Kemudahan Sokongan

Papan tanda

- Peletakan mendatar dengan ketinggian minimum 2000 mm dari paras jalan.
- Warna, tulisan dan saiz papan tanda mesti jelas dan boleh dibaca.
- Menyediakan papan tanda bertulisan '*braille*'.

Bangku 'fixed atau 'built-in' dan meja

- 5% bangku di tempat awam dikhaskan untuk OKU.
- Reka bentuk yang selesa, ketinggian yang sesuai dan selamat.

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada
ringgit@crrc.org.my
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda, Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor

Senarai Kemudahan Dan Keistimewaan Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat

Berkat Berjasa

A. Bantuan yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

	Tujuan	Kadar
1. Bantuan Kewangan		
a. Elaun Pekerja Cacat	• Sebagai penyelenggaraan pendapatan untuk memenuhi keperluan asas kehidupan OKU. • Sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.	RM300
b. Geran Pelancaran	• Bantuan kewangan kepada kumpulan sasar JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk maju bagi menceburi perusahaan atau perniagaan kecil.	Had maksimum ialah RM2,700 sekali gus dengan tempoh kaji semula, iaitu seliaan dibuat setiap 3 bulan
c. Bantuan alat tiruan & alatan sokongan	• Membantu OKU membeli alat tiruan atau alatan sokongan seperti kaki palsu, kalipers, tongkat tangan / ketiak cermin mata, alat pendengaran dan lain-lain yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan.	Kadar sebenar alat tiruan / sokongan
d. Bantuan penjagaan OKU terlantar / pesakit kronik terlantar	• Membantu meringankan bebanan perbelanjaan penjagaan yang dihadapi oleh keluarga penjaga. • Menggalakkan penjagaan yang lebih sempurna kepada kumpulan sasar OKU dan pesakit kronik terlantar.	RM300 sebulan dengan tempoh kaji semula selama 12 bulan
e. Bantuan OKU Tidak Bekerja	• Membantu menyara kehidupan golongan OKU yang tidak berupaya untuk bekerja. • Mempertingkat kualiti hidup dan kesejahteraan golongan OKU.	RM150 sebulan dan tempoh kaji semula selama 12 bulan
f. Bantuan Tongkat Putih *'White Cane'* dan Mesin *Braille*	Kerajaan kini membiayai sepenuhnya pembelian '*White Cane*' dan Mesin *Braille* bagi mereka yang kurang upaya penglihatan.	
2. Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	Program PDK telah dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). JKM telah terlibat secara langsung dalam penyediaan manual dan seterusnya diberi peluang menilai dan mengubah suai pelaksanaan program ini. **Kelayakan** • Warganegara Malaysia • Semua kategori OKU yang berdaftar dengan JKM • Tiada had umur	Pelatih yang mengikuti program di PDK diberi elaun RM150 sebulan.
3. Perkhidmatan Institusi	Menyediakan perkhidmatan jagaan, pemulihan, latihan serta peluang pekerjaan kepada OKU. Terdapat 11 buah institusi OKU seperti berikut:	

Institusi	Bilangan
Taman Sinar Harapan	7
Bengkel Terlindung	2
Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi	1
Pusat Harian Bukit Tunku	1

4.	**Perkhidmatan Kaunseling OKU**	Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu pendekatan atau strategi yang digunakan untuk memperkasa OKU dalam masyarakat. Perkhidmatan ini berlandaskan pada bentuk Kaunseling Pemulihan yang khusus untuk OKU. Perkhidmatan Kaunseling ini memberi tumpuan kepada dua aspek, iaitu kerjaya dan ke arah kehidupan berdikari. Perkhidmatan yang diberikan adalah bersifat menyeluruh yang mana tidak tertumpu kepada OKU sahaja sebagai klien, tetapi melibatkan keluarga, komuniti setempat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak kerajaan sebagai pemangkin dalam membangunkan komuniti OKU.

B. Kemudahan Dan Keistimewaan Lain Kepada OKU Yang Disediakan Oleh Agensi Kerajaan

1. Kementerian Pendidikan

Kemudahan Pendidikan

- Menyediakan kelas khas kepada kanak-kanak OKU penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran. Program pendidikan dilaksanakan melalui Program Pendidikan Khas.
- Elaun sebanyak RM150 sebulan diberi kepada pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah.
- Elaun juga diberi kepada setiap kanak-kanak kurang upaya yang bersekolah di Sekolah Khas kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

a) Pembiayaan bantuan kewangan

- Bantuan kewangan kepada semua pelajar OKU yang melanjutkan pengajian di IPTA, IPTS (yang diluluskan oleh KPT), Politeknik dan Kolej Komuniti yang berada di bawah kawal selia KPT.
- Pelajar sepenuh masa
  - » Bantuan meliputi wang saku dan yuran pengajian yang tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian pada satu peringkat pengajian. Penerima biasiswa hanya layak menerima wang saku sahaja.
  - » Kadar bantuan adalah wang saku RM300 sebulan dan bakinya adalah bantuan yuran tertakluk kepada RM5,000 setahun bagi kedua-dua bantuan tersebut. Sekiranya jumlah wang saku dan yuran pengajian tidak mencapai RM5,000 setahun, lebihan tersebut tidak akan dibayar dan tidak akan dibawa ke hadapan.
- Pelajar separuh masa / jarak jauh
  - » Bantuan meliputi yuran pengajian sahaja dan tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian, pada satu peringkat pengajian tertakluk kepada RM5,000 setahun.

b) Skim Pengecualian Yuran Pengajian Universiti Terbuka Malaysia

- Universiti Terbuka Malaysia telah melancarkan Skim Pengecualian 75% Yuran Pengajian untuk golongan OKU yang memberi peluang kepada OKU untuk mengikuti pengajian sesuai dengan moto university 'Universiti Untuk Semua' dan 'Merintis Pembelajaran Sepanjang Hayat'.

3. Kementerian Kewangan / Lembaga Hasil Dalam Negeri

a) Pelepasan cukai pendapatan bagi anak kurang upaya yang belajar di IPT

- Pelepasan diperluaskan kepada anak kurang upaya yang belajar di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf mengikut peringkat pendidikan seperti berikut:
  - » Peringkat diploma dan ke atas di Malaysia; atau
  - » Peringkat ijazah pertama dan ke atas di luar Malaysia
- Dengan mengambil kira pelepasan sedia ada sebanyak RM5,000 untuk anak kurang upaya, ibu bapa akan layak mendapat pelepasan cukai berjumlah RM9,000.

b) Kemudahan dan Galakan pelepasan cukai pendapatan

- Pelepasan cukai berganda kepada majikan yang melatih dan mengambil pekerja OKU.
- Pelepasan cukai sehingga RM5,000 bagi membeli alat-alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibu bapa OKU.
- Mulai 2005, pelepasan cukai diri sebanyak RM6,000 kepada OKU dan kepada pasangan OKU daripada RM3,000 kepada RM3,500.

c) Pengecualian 100% duti eksais ke atas kenderaan OKU

- OKU yang mempunyai jenis ketidakupayaan fizikal / pertuturan / pendengaran tertentu
- Memiliki lesen memandu yang sah
- Kereta nasional sahaja (termasuk motosikal)
- Kenderaan hendaklah dibeli daripada stok yang masih belum dibayar duti / cukainya
- Tidak boleh pindah milik atau jual selama 5 tahun kecuali dengan kebenaran Kementerian Kewangan
- Sebuah kereta setiap 5 tahun

d) Kemudahan alat ganti OKU

- Pengecualian duti impot dan cukai jualan ke atas semua peralatan direka khas untuk kegunaan OKU.

4. Kementerian Pengangkutan

a) Pengecualian cukai jalan

- Orang kurang upaya fizikal yang menggunakan kenderaan kereta, van dan motosikal buatan tempatan.

b) Kemudahan pengangkutan awam

- Perkhidmatan bas
  - » Diskaun tambang sebanyak 25% bagi perkhidmatan bas ekspres.
  - » Diskaun tambang sebanyak 50% bagi perkhidmatan bas henti-henti.
- Sistem transit aliran ringan
  - » Diskaun sebanyak 50% bagi laluan Ampang & Sri Petaling dan Kelana Jaya.
- Perkhidmatan keretapi Tanah Melayu Antarabandar
  - » Diskaun sebanyak 50% ke atas tambang perjalanan bagi semua kelas di setiap destinasi.
- Perkhidmatan KTM Komuter
  - » Diskaun sebanyak 50% ke semua destinasi.
- Perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS)
  - » Diskaun istimewa sehingga 50% bagi penerbangan dalam negeri.
- Syarikat bas Transnasional
  - » Konsesi 50% daripada harga tambang.

5. Kementerian Wilayah Persekutuan Kemudahan perumahan

- Kadar sewa rumah yang rendah kepada OKU yang menyewa rumah kos rendah atau rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

6. Syarikat Perumahan Negara

- Potongan 20% harga pembelian rumah.

7. Kementerian Kesihatan

Pengecualian bayaran rawatan perubatan

- Dikecualikan daripada bayaran rawatan perubatan di hospital kerajaan:
  - » OKU yang berdaftar dengan JKM
  - » Wad kelas ketiga
  - » Warganegara Malaysia sahaja

8. Jabatan Tenaga Kerja

a) Dasar satu peratus pekerjaan dan peluang pekerjaan

- Sektor Kerajaan: Kuota 1% peluang pekerjaan di sektor awam diperuntukkan kepada golong OKU.
- Sektor swasta: Jawatankuasa Penggalakkan Pengajian Orang Cacat di sektor swasta telah mewujudkan satu garis panduan untuk pendaftaran dan penempatan kerja OKU bekerja di sektor swasta.

b) Sistem penempatan OKU

- Perkhidmatan pendaftaran secara atas talian kepada majikan dan pencari kerja.

c) Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP – OKU)

- SBGP – OKU adalah satu strategi kerajaan untuk 'bantu OKU membantu OKU mendapatkan pekerjaan' melalui pengembangan perniagaan mereka. Skim ini adalah terbuka kepada OKU di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

9. Jabatan Perkhidmatan Awam

Kemudahan pencen dan waktu kerja

- Pencen terbitan kepada anak OKU penjawat awam yang telah meninggal dunia. Pencen ini diberikan sepanjang hayat kanak-kanak berkenaan.
- Kakitangan perkhidmatan awam yang mempunyai anak-anak OKU dibenarkan bekerja mengikut '*flexi-hours*' untuk menguruskan kebajikan anak mereka.

10. Kementerian Dalam Negeri

Kemudahan pengecualian bayaran membuat MyKad, carian sijil kelahiran atau sijil kematian dan dokumen perjalanan

- Jabatan Pendaftaran Negara memberi pengecualian kepada OKU untuk membuat MyKad yang hilang dan pengurangan atau pengecualian bayaran bagi kes daftar lewat kelahiran dan membuat MyKad.
- Jabatan Imigresen memberi pengecualian bayaran kepada semua golongan OKU bagi membuat pasport untuk urusan ke luar negara.

11. Telekom Malaysia

Kemudahan telekomunikasi dan multimedia

- Bayaran sewa bulanan perkhidmatan talian telefon kediaman dikecualikan.
- Panggilan kepada Perkhidmatan Panduan Direktori Telefon (103) tidak dikenakan caj.
- Percuma untuk perkhidmatan telefon kemudahan tambahan.
- Menyediakan panggilan menunggu atau panggilan pindahan secara percuma.
- Perkhidmatan pakej internet – RM45 hingga RM148 bergantung kepada kelajuannya.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat



Tidak Menyediakan Perkhidmatan Untuk Golongan OKU

Golongan Orang Kurang Upaya merupakan golongan masyarakat yang perlu diberi perhatian dan layanan yang sewajarnya. Memandangkan pergerakan golongan OKU ini sangat terbatas dan terhad, semua pihak perlu memikirkan keperluan golongan OKU bagi membantu mereka meneruskan kehidupan. Pelbagai kemudahan dan keistimewaan telah disediakan oleh pihak kerajaan dan badan-badan korporat bagi menyamaratakan hak golongan OKU ini.

Namun tidak dinafikan, masih terdapat beberapa aduan melibatkan golongan OKU, iaitu melibatkan perkhidmatan penerbangan tambang rendah. Berikut adalah antara aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC).

Kes: Encik Seng (bukan nama sebenar) menempah tiket penerbangan dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur pada bulan Mei 2014. Encik Seng juga telah membuat tempahan penggunaan kerusi roda bagi tiket penerbangan bapa beliau. Bapa beliau mengalami masalah fizikal dan tidak mampu berjalan jauh. Apabila sampai di terminal KLIA2, staf syarikat penerbangan meminta beliau menunggu. Setelah menunggu selama lebih satu jam, tidak ada makluman dibuat terhadap tempahan kerusi roda tersebut.

Beliau mengambil alternatif lain untuk membawa bapa beliau keluar dari terminal tersebut. Encik Seng telah membuat aduan kepada syarikat penerbangan tersebut untuk menuntut kembali wang beliau atas sebab tidak menerima perkhidmatan penggunaan kerusi roda tersebut.

Kes seperti di atas tidak seharusnya berlaku. Syarikat penerbangan hendaklah lebih prihatin terhadap keperluan pelanggan mereka. Mereka perlu mempunyai tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada semua pelanggan, terutama golongan OKU. NCCC menyarankan pengadu memfailkan kes ini ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang berhampiran.

Pengguna juga disarankan untuk membuat perbandingan tahap kualiti perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan melalui '*review*' dan komen orang awam. '*Review*' ini boleh diperoleh melalui blog persendirian. Pihak yang membuat komen biasanya berkongsikan pengalaman baik dan buruk terhadap sesuatu perkhidmatan. Terdapat beberapa syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan kerusi roda tanpa mengenakan caj tambahan. Pengguna perlu bijak menilai kualiti perkhidmatan yang diberikan. Nilai wang yang anda bayar perlulah setimpal dengan perkhidmatan yang anda terima.

Sebagai pengguna, anda berhak memilih perkhidmatan yang terbaik dan diberi layanan yang memuaskan di sepanjang perjalanan atau penerbangan anda.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.

Program Kesedaran OKU

"Ke Arah Sistem Kewangan Yang Lebih Inklusif"

26 Mei 2015 | Lanai Kijang

Anjuran Bersama:

Bank Negara Malaysia dan
Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Objektif:

- Untuk merapatkan jurang pemahaman dan kesedaran tentang keperluan OKU.
- Untuk mempersiapkan industri kewangan bagi menghadapi lanskap sektor kewangan yang lebih mencabar berkaitan dengan OKU dan Akta OKU yang bakal dipertingkatkan dengan kuasa penguatkuasaan.



- Seramai 338,000 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat April 2015
- Ketidakupayaan Pembelajaran dan Fizikal merupakan komposisi terbesar dalam OKU
- JKM adalah badan yang bertanggungjawab

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada
ringgit@crrc.org.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEMUDAHAN BANTUAN KHAS 2015



Objektif: Menyediakan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang perniagaan mereka terjejas akibat bencana banjir di beberapa buah negeri di Malaysia.

Kadar pembiayaan: Sehingga 2.25 % setahun

Tempoh pembiayaan maksimum: Sehingga 5 tahun *(dengan tempoh penangguhan bayaran selama 6 bulan).*

Jumlah pembiayaan maksimum: RM500,000 *[Jumlah pembiayaan agregat bagi setiap syarikat pemegangan (holding company)].*

Institusi kewangan peserta

- Semua bank perdagangan dan bank Islam;
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank);
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank);
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat); dan
- Bank Simpanan Nasional (BSN).

Syarat kelayakan

- Perusahaan perniagaan mengikut definisi PKS;
- Institusi atau syarikat perniagaan milik warganegara Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Koperasi 1993, Akta Pertubuhan 1966, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau mana-mana pihak berkuasa lain; dan
- Perniagaan di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan bencana banjir oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Tujuan pembiayaan

- Modal kerja; dan
- Kerja pembaikan dan pembelian peralatan yang rosak akibat banjir
  (Tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan pembiayaan sedia ada)

Sektor yang layak: Semua sektor ekonomi

Prosedur permohonan

Permohonan hendaklah dibuat melalui mana-mana institusi kewangan peserta (IKP) dan kelulusan akan tertakluk kepada prosedur biasa kelulusan kredit oleh IKP berkenaan. Permohonan boleh dibuat sehingga 30 Jun 2015 atau sehingga semua peruntukan sebanyak RM500 juta digunakan sepenuhnya, yang mana terdahulu.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

Layari SMEInfo portal
http://www.smeinfo.com.my

Hubungi BNMTELELINK
1-300-88-5465

Faksimili: **03-2174 1515** atau
e-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my